

# FASA KEDUA WAWASAN 2020 LEBIH MENCABAR

um- 1/3/2007.

KITA kini telah melangkah fasa kedua untuk memastikan segala harapan yang terkandung dalam Wawasan 2020 tercapai sekali gus menyerlahkan status serta arah tuju kita sebenarnya.

Kita akui fasa pertama Wawasan 2020 yang dilancarkan 16 tahun lalu dan berakhir pada 2005 itu ternyata telah berjaya meletakkan Malaysia pada landasan yang betul.

Dalam tempoh 15 tahun pertama itu, kerajaan telah berjaya membangunkan masyarakat bumiputera serta memastikan pertumbuhan ekonomi negara menepati sasaran yang diunjurkan.

Kejayaan fasa pertama itu juga boleh dirumuskan dengan pertambahan bilangan profesional bumiputera, peningkatan taraf hidup penduduk negara ini serta pengurangan bilangan rakyat miskin.

Namun di sebalik kejayaan tersebut, fasa kedua Wawasan 2020 yang kini tinggal 13 tahun sahaja lagi membawa cabaran yang amat besar.

Tempoh yang singkat dan diwarnai dengan cabaran arus globalisasi itu tidak mudah untuk di-

tempuh oleh rakyat terutama bumiputera di negara ini.

Kita bukan sekadar memperkatakan soal angka pertumbuhan ekonomi, sebaliknya cabaran Wawasan 2020 amat tertumpu kepada agenda pembentukan sahsiah serta jati diri penduduk berbilang kaum di negara ini.

Justeru tidak salah jika kita mengkategorikan fasa kedua Wawasan 2020 sebagai tempoh kritikal untuk kita membetulkan petunjuk-petunjuk yang boleh menggagalkan pencapaian agenda besar itu.

Oleh itu kita mahu supaya semua pihak melaksanakan susulan besar-besaran bagi memastikan bahawa masyarakat bumiputera mampu tampil sebanding dengan bangsa-bangsa lain dari segi penguasaan ekonomi dan jati diri.

Di sebalik perjalanan menuju Wawasan 2020 semakin singkat masih banyak agenda yang perlu diselesaikan terutama dari segi kelemahan jati diri moral yang akan turut menggugat penguasaan ekonomi terutama di kalangan orang Melayu.

Isu-isu seperti penyalahgunaan dadah, amalan rasuah dan keruntuhan moral masih mendominasi masyarakat bumiputera dan jika tidak segera ditangani boleh menggagalkan agenda Wawasan 2020.

Tidak salah jika meletakkan tanggungjawab membetulkan petunjuk-petunjuk negatif ini di bahu generasi muda kerana Wawasan 2020 adalah untuk mereka.

Kini adalah masanya untuk kita bekerja keras untuk mengukuhkan ekonomi dan jati diri selain mengekalkan keharmonian antara kaum yang selama ini amat dicemburui oleh negara-negara luar.

Adalah penting inti pati serta cabaran Wawasan 2020 diuar-uarkan semula bagi memastikan generasi muda tidak terlena dan alpa melaksanakan tanggungjawab mereka.

Ayuh semua rakyat Malaysia, kita tidak lagi boleh membuang masa tetapi bertindak sepenuhnya bagi merealisasikan Wawasan 2020.